

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2012

=====

Pemberhentian Penjualan Pelan Bagi Tanah Yang Diperuntukkan Sebagai Rizab Kerajaan

Arahan ini dikeluarkan kepada semua Pejabat Tanah Daerah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia untuk memaklumkan mengenai pemberhentian penjualan pelan tanah rizab Kerajaan kepada orang awam yang digunakan untuk tujuan permohonan pemberimilikan tanah dan lesen pendudukan sementara.

2. Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran Tanah / Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor Bilangan 8/2012 pada 8 Ogos 2012 yang dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan untuk memberhentikan penjualan pelan bagi tanah yang diperuntukkan sebagai rizab Kerajaan kepada orang awam.

3. Mesyuarat tersebut telah mengenalpasti masalah yang timbul seperti berikut:

- i. Pihak yang membuat pembelian pelan tersebut memanipulasi tanah berkenaan, yang diberi petunjuk lokasi, dengan melakukan aktiviti pencerobohan.

Pencerobohan ini telah mengakibatkan kesusahan kepada masyarakat umum antaranya menjadi halangan pelebaran jalan, mengakibatkan pengurangan kawasan lapang untuk tujuan rekreasi, dan menyebabkan ancaman keselamatan harta benda awam dan keselamatan nyawa.


- ii. Pihak yang membuat pembelian pelan tersebut menggunakannya untuk tujuan permohonan pemberimilikan tanah dan lesen pendudukan sementara, yang mana bertentangan dengan maksud yang diperuntukkan dalam dasar dan undang-undang serta peraturan Kerajaan Negeri.

Sebarang permohonan pemberimilikan tanah dan lesen pendudukan sementara untuk tanah yang diperuntukkan sebagai tanah rizab Kerajaan tidak boleh diproses dan hendaklah ditolak terus menurut Kaedah 3 (d) dan (e), Kaedah-Kaedah Tanah Selangor, 2003.

4. Perlu diberi perhatian bahawa keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 4 November 1992 yang telah dimaklumkan melalui Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1/1993 telah menggariskan bahawa sebarang permohonan pemberimilikan tanah untuk tanah lapang dan tapak kegunaan awam hendaklah ditolak terus tanpa diproses dengan lebih lanjut. Selain itu, Kaedah 3 (d) dan (e), Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 jelas telah memperuntukkan perkara ini. Justeru itu, pelan bagi tanah yang diperuntukkan sebagai rizab Kerajaan bagi maksud kegunaan awam sudah tidak lagi relevan untuk dijual.

5. Keputusan ini dibuat bagi memastikan tanah rizab Kerajaan yang telah diperuntukkan bagi tujuan kegunaan awam sama ada yang belum atau telah diwartakan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara, 1965 tidak dimohon untuk pemberimilikan tanah dan lesen pendudukan sementara. Ia juga merupakan langkah kawalan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk memastikan aset tanah Kerajaan Negeri dapat dipelihara dan dikawal dengan sempurna demi memastikan kepentingan masyarakat umum tidak terjejas.

6. Arahan ini berkuat kuasa serta merta. Semua Pentadbir Tanah dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Selangor adalah diminta mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.



(KAMARULZAMAN BIN JAMIL)

Pengarah Tanah dan Galian

Negeri Selangor

Tarikh:

16/8/2012

Fail: Bil. (16) PTGS/CR02/00/2000